

08/11/1997

Agensi pertanian berpeluang melabur

CONAKRY (Guinea), Jumaat - Kementerian Pertanian akan mencadangkan kepada Kabinet supaya beberapa agensi pertanian dan akuakultur Malaysia, membuat pelaburan secara agresif di Guinea.

Menterinya, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata negara ini ialah 'lombong emas' yang memerlukan pelaburan asing. Ini kerana ekonominya agak ketinggalan berbanding negara Selatan lain.

"Saya akan mencadangkan supaya agensi seperti Felde dan mungkin Jabatan Perikanan meninjau peluang pelaburan di sini. Selepas menyaksikan kejayaan mengagumkan yang dicapai Padiberas Nasional Berhad (Bernas), saya dapat rasakan bahawa sebarang pelaburan di sini pasti membuahkan hasil lumayan.

"Negara ini bukan saja miskin, tetapi tahap penganggurannya begitu tinggi. Kehadiran pelabur Malaysia di sini bukan sekadar dapat mencatat keuntungan lumayan, tetapi membantu Guinea meningkatkan taraf ekonomi penduduknya," katanya kepada wartawan Malaysia, di sini.

Beliau berada di sini untuk menyaksikan Bernas melalui anak syarikatnya di sini, Societe Bernas de Guinea, menuai hasil pertamanya dan merasmikan kilang pemprosesan berasnya di Monchon, kira-kira 200 kilometer dari sini.

Turut hadir pada majlis itu, Presiden Guinea, Lansana Conte; Menteri Pertanian, Sumber Asli dan Hutan, Jean Paul Sarr; Pengerusi Bernas, Ruhanie Ahmad; dan Pengarah Urusan Bernas, Mohd Ibrahim Nor.

Dr Sulaiman turut mendapat perhatian wartawan tempatan yang ingin tahu rahsia kejayaan Bernas, yang bukan saja menunaikan komitmennya untuk menghasilkan tuaian pertama mengikut jadual, tetapi melaksanakan beberapa projek lain iaitu penternakan ayam telur, menanam jagung dan nanas.

"Ini adalah janji Perdana Menteri kami (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) kepada Presiden Lansana, kami di sini menunaikannya.

"Kehadiran Bernas di sini bukan sekadar untuk mencatat keuntungan tetapi juga melaksanakan tanggungjawab sosial yang diamanahkan Perdana Menteri," katanya.

(END)